



جياتن فقايران دان ساليران،
نكري فيراق دارالرضوان.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN,
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH.

Telefaks : 05-2540290

Telefon : PEJABAT AM 05-5225423

PENGARAH JPS. Pk. 05-2559510



Ruj Tuan :

Ruj Kami : Bil. (49) dlm. JPS.PK.SSB
4414 Jld. 2

Tarikh : 28 Safar 1432
Februari 2011

Jurutera Daerah, JPS Kerian, Bagan Serai
Jurutera Daerah, JPS Larut Matang dan Selama, Taiping
Jurutera Daerah, JPS Kuala Kangsar / Hulu Perak, Kuala Kangsar
Jurutera Daerah, JPS Perak Tengah, Seri Iskandar
Jurutera Daerah, JPS Kinta / Batang Padang, Ipoh
Jurutera Daerah, JPS Manjung, Sitiawan
Jurutera Daerah, JPS Hilir Perak, Teluk Intan

Tuan,

PROSES MENGEMBALIKAN WANG CAGARAN PENGAMBILAN PASIR SUNGAI

Merujuk perkara di atas dengan hormatnya dimaklumkan bahawa akhir-akhir ini terdapat permohonan menuntut kembali wang cagaran oleh pengusaha-pengusaha pengambilan pasir sungai, yang dihantar ke pejabat ini tidak dapat diproses dengan lancar kerana dokumen-dokumen yang dikemukakan ke JPS Negeri Perak tidak lengkap. Antara dokumen yang diperlukan ialah :

- i. Surat permohonan menuntut kembali wang cagaran oleh pemohon
- ii. Salinan ASAL resit bayaran wang cagaran
- iii. Salinan penyata akaun bank atau salinan muka depan buku akaun bank untuk tujuan pembayaran
- iv. Surat pelepasan dari Jurutera Daerah yang mengesahkan bahawa pemegang permit tidak mempunyai apa-apa kewajipan yang belum diselesaikan dan JPS Daerah tiada halangan wang cagaran dikembalikan


...../2

- 2. Sehubungan itu pihak tuan diminta memberi perhatian sewajarnya dan memastikan permohonan menuntut kembali wang cagaran, yang dikemukakan ke JPS Negeri Perak disertakan dengan dokumen-dokumen yang lengkap. Bersama-sama ini dikepilkan Carta Alir Proses Mengembalikan Wang Cagaran untuk perhatian dan rujukan tuan.

Sekian, terima kasih .

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH SUNGAI KITA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' Ir. ABDUL RAZAK BIN DAHALAN)
Pegawai,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Negeri Perak Darul Ridzuan.

s.k.: Pen. Pengarah Kanan, Bhg. Khidmat Pengurusan, JPS Negeri Perak
(Selinan Carta Alir Proses Mengembalikan Wang Cagaran dikepilkan)

'TRANSFORMASI KUALITI TERAS 1 MALAYSIA'

AK/suratFeb 2011/surat JD wang cagaran



CARTA ALIRAN PROSES MENGEMBALIKAN WANG CAGARAN JPS DAERAH.

